

BAB II

HUKUMAN SEBAT DALAM PERUNDANGAN ISLAM

2.1. Pengenalan Mengenai Hukuman Sebat

2.1.1. Definisi Sebat

Perkataan sebat merupakan terjemahan daripada bahasa Arab iaitu *al-jald* yang diambil dari kata kerja asalnya iaitu جَدَّ bermaksud memukul atau mendera,⁴⁴ manakala kata namanya iaitu الْجُلْدُ ertinya kulit badan.⁴⁵ Dalam bahasa Melayu sebat atau menyebat ialah memukul dengan benda yang halus atau lentur seperti rotan, lidi dan lain-lain.⁴⁶ Dalam bahasa Inggeris pula sebat disebut “*whipping*” ianya bermaksud pukulan atau sebatan dengan cemeti.⁴⁷ Penerangan definisi menurut bahasa di atas jelaslah bahawa maksud daripada perkataan sebat iaitu pukulan atau cambukan yang ditujukan kepada kulit atas badan seseorang dengan menggunakan alat sebatan seperti rotan, cemeti, pelepah kurma dan sebagainya.

Terdapat beberapa fuqaha yang mendefinisikan sebat (*al-jald*), seperti Ibnu Qudaimah mendefinisikan secara ringkas di dalam kitabnya *al-Mughni* bahawa perkataan *al-jald* bolehlah difahami memukul dengan *al-sawi* iaitu cemeti.⁴⁸ Al-Shawkani juga menghuraikan maksud *al-sawi* sebagai sejenis ranting kayu bersaiz

⁴⁴Luwis Ma'ief (1908), *al-Munjid fi al-Lughah wa al-Adab wa al-Ulum*. c. 5, Beirut: al-Maṭba'ah al-Katsulikiyah, h. 93.

⁴⁵Ibrahim Anis *et al.* (1970), *al-Mu'jam al-Wasī*. j. 1, c. 2, Kairo: T.P., h. 129.

⁴⁶Md. Nor bin Hj. Ab. Ghani *et al.* (1970), *Kamus Dewan*. Ed. 4, c. 2, Selangor: Dawama Sdn. Bhd., h. 1404.

⁴⁷Lihat Hawa Abdullah dan T. Vijayarani *ed.* (2002), *Kamus Dwibahasa: Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*. c. 2, Selangor Darul Ehsan: Elpos Print Sdn. Bhd., h. 1464.

⁴⁸Abi Muḥammad Ibn 'Abd Allāh Ibn 'Aḥmad Ibn Maḥmud Ibn Qudāmah (t.t), *al-Mughnī wa Yalīhi al-Sharḥ al-Kabīr*. J. 10, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabīyyah, h. 128.

sederhana, tidak terlalu baru ataupun lama. Menurut beliau, ukur lilitnya ialah sebesar jari, manakala panjangnya ialah satu hasta.⁴⁹ Manakala Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah pula mendefinisikan sebat sebagai satu bentuk pukulan yang bersifat sederhana iaitu tidak terlalu kuat dan tidak pula terlalu perlahan dengan menggunakan cemeti yang sederhana iaitu tidak terlalu berat dan tidak terlalu ringan.⁵⁰

Daripada beberapa definisi sebat di atas, dapat disimpulkan bahawa hukuman sebat adalah hukuman yang disyariatkan Islam dengan menggunakan rotan, cemeti atau ranting pokok bersaiz sederhana tidak terlampau besar ataupun kecil dan ianya dipukulkan ke atas pesalah yang melanggar syariat Islam seperti meminum arak, bermain judi, melakukan zina dan menuduh orang melakukan zina.

2.2. Peruntukan Hukuman Sebat dalam Al-Qur'an dan Hadith

Terdapat beberapa peruntukan hukuman sebat dalam al-Qur'an dan Hadith mengenai pelaksanaan hukuman sebat ke atas pelanggaran syariat Islam. Di antara pelanggaran tersebut iaitu berzina, meminum khamar dan perbuatan qazaf. Mengenai zina, Allah SWT telah menetapkan hukuman seratus kali sebatan ke atas pezina sama ada lelaki mahupun perempuan, seperti mana Allah SWT berfirman:

⁴⁹Muhammad 'Ali Ibn Muhammad al-Syawkanī (1983), *Nail al-Awṭār SharḥMuntaqā al-Akhyār*. j. 7, Beirut: Dār al-Fikr, h. 285.

⁵⁰Aḥmad Ibn 'Abd al-Ḥalim Ibn Taimiyyah (1966), *al-Siyāsah al-Shar'iyyah fī Islāḥ al-Rā'i wa al-Ra'iyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 101. Diriwayatkan oleh Imam Mālik dari Zaid bin Aslam berkata –seorang lelaki telah mengaku berzina di zaman Rasulullah SAW. Ketika menjatuhkan hukuman sebat ke atas lelaki tersebut, Rasulullah SAW telah meminta sebilah rotan untuk menyebat lelaki itu. Apabila rotan yang dikehendaki ditunjukkan kepada Rasulullah SAW didapati bahawa itu pecah-pecah. Baginda telah meminta rotan lain. Apabila rotan yang kedua dibawa kepadanya didapati rotan itu daripada satu dahan kayu yang baru dipotong, Rasulullah SAW menolaknya dan meminta rotan lain. Akhirnya dibawa kepadanya rotan yang paling sederhana tidak terlalu keras dan tidak terlalu lembut, Rasulullah SAW menerimanya. Lihat Haron Din (1993), *Hukum Hudud Dalam Perundangan Islam*. Bandar Baru Bangi: Surau An-Nur, h. 63-64.

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِيَ فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ
 بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيْشَهِدَ
 عَذَابُهُمَا طَآئِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٤﴾

Surah al-Nur 24: 2

Bermaksud: “Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebatan, dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum (agama) Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.”

Manakala peruntukan hukuman ke atas penzina di dalam Hadith iaitu seratus kali sebatan dan pengasingan bagi *ghairu mu'ian* dan seratus kali sebatan dan rejam ke atas penzina *mu'ian*. Hal ini bertepatan dengan Hadith Rasulullah SAW berikut ini:

عَنْ عُبَادَةَ ابْنِ الصَّامِتِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: خُذُوا
 عَنِّي، قَدْ جَعَلَ اللَّهُ هُنَّ سَبِيلًا، الْبِكْرُ بِالْبِكْرِ جَلْدٌ مِائَةٌ وَ تَغْرِيبُ عَامٍ وَ
 الثَّيِّبُ بِالثَّيِّبِ جَلْدٌ مِائَةٌ وَ الرَّجْمُ.⁵¹

Bermaksud: Daripada ‘Ubaidah Ibn Somit, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Ambillah daripadaku, sesungguhnya Allah telah mengadakan jalan keluar bagi mereka (iaitu perempuan-perempuan yang berzina), jika dara dengan teruna maka disebat seratus kali dan pengasingan selama satu tahun, jika janda dengan duda maka disebat seratus kali dan direjam.”⁵²

⁵¹Abū al-Ḥusain Muslim Ibn al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Nīsābūrī (1991), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-ḥudūd, Ḥad al-Zinā, 1690, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 3, h. 1316.

⁵²Pendapat al-Khaṭṭāb mengatakan bahawa para ulama berbeza pendapat mengenai kedudukan hadith ini, hubungannya dengan ayat yang menerangkan hukuman zina; apabila ia menasakh ayat dimaksud atau justeru meluaskan keterangannya. Sesetengah ulama mengatakan bahawa hadith ini menasakh ayat. Mereka itu tentu sahaja orang-orang yang berpendapat bahawa hadith boleh menasakh ayat. Namun sesetengah yang lain pula berpendapat bahawa hadith tersebut menjelaskan hukum yang terkandung dalam ayat tersebut. Lihat Sayyid Sabiq (2007), *Fiqh Sunnah*. Nor Hasanuddin *et al.* (terj.), j. 3, c. 2. Jakarta: Pena Pundi Aksara, h. 310.

Kesalahan qazaf (menuduh zina) dikenakan hukuman sebat sebanyak lapan puluh kali jika ianya tidak dapat mendatangkan empat orang saksi ke atas tuduhan tersebut. Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ
ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Surah al-Nur 24: 4

Bermaksud: “Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebatan; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasiq.”

Manakala dalil tentang hukuman ke atas peminum arak, pengkaji tidak mendapatinya di dalam al-Qur’an. Namun dalil pengharaman arak terdapat di dalam surah Al-Ma’idah ayat 90, Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Surah al-Ma’idah 5: 90

Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah semata-mata kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

⁵³ Ayat ini turun ke atas orang-orang yang menuduh zina. Sa’id Ibn Jubair berkata: bahawa sebab turunnya ayat ini iaitu tuduhan yang berlaku ke atas Aisyah *ummul mu’minin raduyallahu anha*. Ada pula mengatakan: “akan tetapi ayat ini turun kerana tuduhan zina secara am bukan pada masa turunnya ayat tersebut.” Ibn Mundhir berkata: “belum kita dapati dalam khabar Rasulullah SAW iaitu khabar yang menunjukkan penjelasan qazaf.” Dan zahirnya al-Qur’an memerlukan penjelasan daripada khabar itu, yang mana ianya membuktikan wajib dikenakan hudud ke atas pelaku qazaf. Dan ulama sepakat dalam perkara tersebut. Lihat Abū Abd Allāh Ibn Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1993), *al-Jāmi’ li al-Aḥkām al-Qur’an*. j. 6, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 115.

Islam melarang seorang muslim daripada meminum arak bertujuan untuk memberikan personaliti kuat sama ada dari segi fizikal mahupun mental, hal ini adalah disebabkan arak boleh merosakkan akal fikiran. Akal fikiran yang rosak akan menjadi punca berlakunya kejahatan sama ada pada dirinya sendiri ataupun kepada orang lain.⁵⁴ Sementara itu, hukum Islam telah menetapkan bahawa arak adalah haram. Manakala bagi peminumnya akan dikenakan hukuman sebat sebanyak 40 kali, hukuman *had* boleh ditambah menjadi 80 kali apabila hakim memandang ianya perlu. Hal ini berdasarkan Hadith yang diriwayatkan oleh Anas r.a.:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَلَدَ فِي الْحَمْرِ بِالْجُرَيْدِ
وَالنَّعَالِ ثُمَّ جَلَدَ أَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ، فَلَمَّا كَانَ عُمَرُ وَدَنَا النَّاسُ مِنَ الرَّيْفِ وَ
الْقُرَى قَالَ: مَا تَرَوْنَ فِي جَلْدِ الْحَمْرِ؟ فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ: أَرَى أَنَّ
تَجْعَلُهَا كَأَخْفِ الْخُدُودِ فَجَلَدَ عُمَرُ ثَمَانِينَ.⁵⁵

Bermaksud: “Daripada Anas r.a. sesungguhnya Nabi Muhammad SAW telah menyebat orang yang meminum arak dengan pelepah kurma dan sandal, kemudian Abu Bakar menyebat empat puluh kali, dan ketika ‘Umar meminta pandangan orang ramai yang datang daripada perkampungan kemudian beliau berkata: apa pandangan kamu mengenai pukulan bagi peminum arak? kemudian Abdul Rahman bin ‘Auf berkata: Aku mengira bahawa kamu akan menjadikannya sebagai hukuman hudud yang paling ringan. Maka ‘Umar pun menyebat lapan puluh kali sebatan.”

⁵⁴ Di antara kemudaratan yang timbul daripada minum arak adalah: (1) Merosakkan kesihatan, (2) Arak adalah punca segala kejahatan, (3) Menyebabkan perpecahan dan permusuhan dalam masyarakat. (4) Orang yang mabuk tidak mengindahkan tuntunan-tuntunan agamanya dan tidak menjauhkan diri daripada larangan-larangan syarak, (5) Menghabiskan harta. Lihat Mahfozd Mohamad (1993), *Jinayah Dalam Islam: Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-Hukum Hudud*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 105-107.

⁵⁵ Imām Muslim (1991), *op.cit.*, Kitab Ḥudūd, Bab Ḥad al-Khamri, 1706, h. 1331. Lihat pula Abū Dāud Sulaimān Ibn al-Ash’at al-Sājastānī (1417 H), *Sunan Abī Dāud*. Kitab Ḥudūd, Bab Ḥad al-Khamri, 4479. pentahqiq Muḥammad Nashīr al-Dīn al-Albānī, Riyād: Maktabah al-Ma’rifah li al-Nashr wa al-Tauzī’, c. 1, h. 805. Nama pada muka surat seterusnya ialah Imam Abī Dāud.

Dalam Hadith lain juga yang diriwayatkan Imam Bukhari, Imam Muslim dan Abu Daud bahawa suatu ketika didatangkan kepada Baginda Rasulullah SAW seorang peminum arak, ketika itu Rasulullah bersabda: *“idribūhu”*, *“kamu pukullah dia.”* Abu Hurairah berkata: *“Di antara kami ada yang memukul dengan tangannya, sebahagian lain dengan sandal dan ada pula yang memukul dengan pintalan pakaian.”*⁵⁶

2.3. Sebab-Sebab Hukuman Sebat Sebagai Kesalahan Hudud

Terdapat beberapa pelanggaran syariat yang menyebabkan seorang pesalah dikenakan hukuman sebat, yang mana pelanggaran tersebut dikategorikan sebagai kesalahan hudud. Di antara kesalahan tersebut iaitu:

2.3.1. Kesalahan Berzina

2.3.1.1. Definisi Zina

Zina bermakna persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seorang perempuan di luar ikatan perkahwinan yang sah mengikut hukum syarak. Kedua-duanya mukalaf dan persetubuhan tersebut bukan persetubuhan syubhat.⁵⁷ Al-Ṭūsī dalam kitabnya *al-Tibyan fi Tafsir al-Qur’an* mendefinisikan zina adalah pencabulan kemaluan perempuan tanpa akad yang sah secara syarak dan tidak dengan akad secara syak wasangka dengan mengetahui hal itu atau dengan dugaan yang kuat.⁵⁸ Al-Qarāfī di

⁵⁶Muhammad Baltājī (2003), *Al-Jināyāt wa ‘Uqūbatuhā fī al-Islām wa Huqūq al-Insān*. c. 1. Kaherah: Dār al-Salām li al-Ṭabā’ah wa al-Tauzī’ wa al-Tarjamah, h. 37. Lihat pula Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā’il al-Bukhārī (1400 H), *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*. Kitab Ḥudūd, Bab al-Ḍarb bi al-Jarīdi wa al-Ni’āl, 6777, Kaherah: al-Maṭba’ah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, j. 4, c. 1, h. 246. Nama pada muka surat seterusnya ialah Imam al-Bukhārī.

⁵⁷ Mohd. Shukri Hanafi dan Mohd. Tajul Sabki Abdul Latib (2003), *Kamus Istilah Undang-undang Jenayah Syari’ah: Hudud, Qisas dan Ta’zir*. op.cit., h. 309.

⁵⁸ Abū Ja’far Muḥammad Ibn al-Ḥasan al-Ṭūsī (t.t), *al-Tibyan fi Tafsir al-Qur’an*. j. 7, T.T.P: Dār Iḥyā al-Turath al-‘Arabī, h. 406.

dalam kitabnya *adh-Dhakhira* mendefinisikan zina sebagai pencabulan kemaluan perempuan yang diharamkan melalui *waṭi'* terhadap bukan milik dan bukan milik yang kesamaran.⁵⁹ Al-Kasānī pula mendefinisikan zina sebagai nama bagi *waṭi'* yang diharamkan ke dalam kemaluan perempuan yang masih hidup, dengan kerelaannya, dilakukan dalam *dār al-'ādil* yang iltizam dengan hukum-hukum Islam dan yang sunyi daripada pemilikan dan pemilikan yang samar-samar. Manakala al-Shīrāzī dalam kitabnya *al-Muhadhdhab* pula mendefinisikan zina sebagai seorang lelaki daripada penduduk negara Islam yang melakukan *waṭi'* terhadap perempuan yang diharamkan ke atasnya dengan tidak melalui akad nikah atau akad yang kesamaran dan tidak pemilikan yang kesamaran dan lelaki itu berakal, baligh dan tidak dipaksa serta mengetahui hukum zina.⁶⁰ Imam al-Mawardi mendefinisikan zina sebagai perbuatan seorang lelaki yang berakal yang memasukkan hujung kemaluannya di salah satu tempat faraj atau dubur wanita yang tidak ada hubungan apapun di antara kedua-duanya. Abu Hanifah mengatakan, bahawa zina berlaku khusus pada faraj dan tidak pada dubur.⁶¹ Wahbah al-Zuhaili pula menyatakan bahawa zina dalam erti bahasa dan syarak adalah sama iaitu persetubuhan seorang lelaki dan perempuan pada faraj di luar pemilikan sah mahupun nikah syubhat.⁶²

Dari beberapa definisi di atas dapat disimpulkan bahawa sesuatu perbuatan itu dikategorikan sebagai zina apabila memenuhi tiga syarat iaitu hubungan badan antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan perkahwinan dengan suka sama suka atau tidak ada paksaan, perbuatan tersebut dilakukan dengan sengaja oleh lelaki atau perempuan yang

⁵⁹ Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī (1994), *al-Dhakhīrah*. j. 12, c. 1. Beirut: Dār al-Gharbi al-Islāmī, h. 48.

⁶⁰ Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn Alī Ibn Yūsuf al-Fairūzābādī al-Shīrāzī (1995), *al-Muhadhdhab fī Fiqh Imām al-Shāfī'*. j. 3, c. 1, h. 334.

⁶¹ Imam al-Mawardi (2006), *Hukum-Hukum Penyelenggaraan Negara Dalam Syariat Islam*. Fadli Bahri (terj.), c. 2. Jakarta: PT. Darul Falah, h. 365.

⁶² Wahbah al-Zuhailī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. j. 7, c. 3, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 5347.

sudah baligh dan perbuatan tersebut dilakukan di dalam satu negara yang mempunyai iltizam terhadap Perundangan Islam.

2.3.1.2. Hukuman ke Atas Penzina

Hukuman dalam Islam adalah hukuman yang adil, bukan sebagai suatu hukuman yang kejam seperti yang didakwakan oleh sesetengah golongan. Hukuman dalam Islam bukan sahaja memelihara kepentingan individu yang teraniaya sahaja, malahan memelihara kepentingan orang ramai. Lebih daripada itu hukuman dalam Islam memberi balasan kesalahan ke atas penjenayah terutamanya ke atas penzina .⁶³ Hukuman ke atas penzina terbahagi kepada dua bahagian dengan melihat kepada status seorang penzina sama ada sudah berkahwin ataupun belum berkahwin.⁶⁴ Pada perbincangan seterusnya akan dihuraikan secara terperinci dua golongan penzina tersebut, iaitu:

i. Penzina *Muḥṣan*⁶⁵

Hukuman keseksaan terhadap penzina *muḥṣan* ialah rejam dengan batu sehingga mati. Perkara ini merupakan pendapat ijma' ulama, kecuali ada pendapat daripada pengikut Khawarij yang menolak pendapat ini dengan alasan Hadith yang dijadikan hujah tidak mutawatir, manakala asas kepada hukuman ini iaitu daripada Hadith Rasulullah SAW

⁶³ Mahfozd Mohamed (1993), *op.cit.*, h. 42. Alasan daripada pengharaman zina, kerana ianya merupakan perbuatan yang menimbulkan kerosakan besar, ditinjau secara ilmiah. Zina adalah salah satu di antara sebab-sebab utama yang mengakibatkan kerosakan dan kehancuran peradaban, menjangkitnya penyakit-penyakit yang sangat berbahaya, menyokong orang untuk tidak berterusan hidup bujang serta praktik hidup bersama tanpa nikah. Dengan demikian zina merupakan sebab utama daripada kemiskinan, pembaziran, pencabulan dan pelacuran. Lihat Sayyid Sābiq (2007), *Fiqh Sunnah. op.cit.*, h. 304.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 42.

⁶⁵ *Muḥṣan* bermaksud orang yang pernah melakukan hubungan jenis di antara lelaki dan perempuan melalui akad nikah yang sah, walaupun dalam masa ia melakukan perbuatan zina itu tidak dalam ikatan perkahwinan. Ihsan ertinya penahan yang bermaksud bahawa nikah itu sebagai perisai yang boleh mengawal diri daripada perbuatan zina.

yang *ṣahīh* dan amalan baginda.⁶⁶ Golongan Khawarij dan Azariqah berpendapat bahawa hukuman sebat seratus kali ke atas penzina *muḥṣan* dan *ghairu muḥṣan* adalah berdasarkan kepada dua surah al-Nur sepertimana sudah ditulis sebelum ini. Ayat ini jelas menunjukkan bahawa hukuman ke atas penzina ialah sebat bukan rejam dan ia pula tidak membezakan di antara teruna dan dara. Mereka berhujah bahawa rejam merupakan satu hukuman yang paling berat dalam Islam dan hendaklah disabitkan dengan dalil qat'i iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah yang mutawatir. Justeru itu, hukuman rejam memang tidak ada dalam al-Qur'an, malahan Hadith yang menerangkan hukuman rejam adalah daripada *khbar āḥād* yang tidak pasti kesahihannya.⁶⁷

Menurut salah satu pandangan dari Ahmad Ibn Hanbal, mazhab Zahiri, mazhab Syi'ah Zaidiyyah dan lain-lain berpendapat bahawa seorang penzina *muḥṣan* hendaklah dikenakan hukuman sebat dan rejam. Mereka merujuk kepada amalan Sayyidina 'Ali r.a yang menjatuhkan hukuman sebat ke atas seorang perempuan *muḥṣan*. Sayyidina 'Ali berkata: "*Saya menyebatnya berasaskan kitab Allah dan merejamnya mengikut sunnah Rasulullah SAW.*" dan Hadith: "*Ambillah dari aku, sesungguhnya Allah telah mengadakan jalan keluar untuk mereka (iaitu para penzina perempuan), teruna (apabila berzina) dengan dara disebat seratus kali dan dibuang daerah selama satu tahun, dan duda (apabila berzina) dengan janda disebat seratus kali dan direjam dengan batu.*" Walau bagaimanapun fuqaha berbeza pendapat dalam hukuman rejam sebagai hukuman kedua ke atas penzina *muḥṣan*. Imam Ishaq, Ahmad dan Abu Daud berpegang kepada hukuman rejam dan sebat dengan merujuk kepada ucapan 'Ali, "*Aku sebat berdasarkan al-Qur'an dan aku rejam mengikut al-Sunnah.*" Manakala Imam Malik, Abu Hanifah dan Syafi'i hanya menekankan hukuman rejam sahaja. Mereka

⁶⁶ Abdul Halim el-Muhammady (1998), *Undang-undang Jenayah Dalam Islam dan Enekmn Negeri-Negeri*. c. 1. Selangor Darul Ihsan: Wadah Niaga Sdn.Bhd., h. 75.

⁶⁷ Mohamed Azam Mohamed Adil (1999), "Hukuman Rejam ke Atas Penzina *Muḥṣan*: Satu Perbahasan", dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Haji Azhari (eds.), *Hukum Islam Semasa: Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 237.

merujuk kepada pelaksanaan rejam sahaja oleh Rasulullah SAW ke atas Ma'iz, al-Ghamidiyyah dan dua orang Yahudi.⁶⁸ Dalil yang digunakan sesetengah fuqaha seperti Ahmad Ibn Hanbal, mazhab Zahiri, mazhab Syi'ah Zaidiyyah berpendapat bahawa hukuman ke atas penzina *muḥṣan* ialah sebat dan rejam. Perkara tersebut merujuk kepada Hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada 'Ubādah bin Ṣāmit yang mana telah disebut dalam peruntukan hukuman sebat sebelum ini.⁶⁹

Daripada Hadith tersebut jelas bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas penzina *muḥṣan* ialah hukuman sebat 100 kali dan rejam sehingga mati.⁷⁰ Sesetengah fuqaha berpendapat bahawa hukuman ke atas penzina *muḥṣan* iaitu direjam sehingga mati tanpa disebat seratus kali. Pendapat tersebut disokong oleh kalangan sarjana dengan merujuk kepada al-Qur'an dalam mensabitkan hukuman ke atas penzina, yang mana dalam al-Qur'an disabitkan bahawa hukuman ke atas penzina ialah rejam.⁷¹

Menurut pengkaji bahawa wujudnya penolakan sesetengah fuqaha tentang hukuman rejam ke atas penzina *muḥṣan* kerana tidak wujudnya nas *qat'i* yang menjelaskan hukuman tersebut. Manakala tujuan dikenakan hukuman sebat ke atas penzina ialah untuk memberi kesedaran kepada pesalah sehingga bertaubat. Namun demikian pengkaji juga bersetuju dengan pendapat fuqaha yang mengatakan bahawa

⁶⁸ *Ibid.*, h. 272.

⁶⁹ Imam Muslim (1991), *op.cit.*, Kitab al-Ḥudūd, Ḥad al-Zinā, 1690, h. 1316.

⁷⁰ Selain daripada hadith tersebut, diriwayatkan pula bahawa Rasulullah SAW sudah memerintahkan hukuman ini dijalankan kepada empat kes, satu daripada kes itu, apabila pesalah itu lelaki dan seorang perempuan daripada masyarakat Yahudi di Madinah. Walau bagaimanapun, dipertikaikan sama ada Rasulullah SAW memerintahkan kedua-dua orang Yahudi itu direjam mengikut undang-undang mereka sendiri atau mengikut undang-undang Islam. Namun dalam tiga kes lainnya, jelas tidak ada sebab menggunakan undang-undang Yahudi, kerana semua pesalah adalah muslim. Lebih terperinci lagi lihat Mohamed S. el-Awa (1999), *Hukuman Dalam Undang-undang Islam: Satu Kajian Perbandingan*. Khidmat Terjemah Nusantara (terj.), c. 2. Selangor Darul Ihsan: Dawana Sdn. Bhd., h. 21-22.

⁷¹ Topo Santoso (2000), *Menggagas Hukum Pidana Islam: Penerapan Syariat Dalam Konteks Modernitas*. Bandung: Asy-Syamil Press & Grafika, h.197.

hukuman ke atas penzina *muḥṣan* iaitu rejam sehingga mati. Hal tersebut merujuk kepada dalil daripada Hadith Rasulullah SAW yang menyatakan hukuman tersebut.

ii. Penzina *Ghairu Muḥṣan*⁷²

Semua fuqaha bersepakat bahawa hukuman ke atas penzina *ghairu muḥṣan* ialah seratus kali sebatan. Hukuman ini berdasarkan firman Allah SWT yang telah disebutkan sebelum ini, yang mana maksud kandungan ayat tersebut ialah mewajibkan hukuman sebat seratus kali ke atas penzina sama ada lelaki ataupun perempuan. Selain daripada hukuman sebat, penzina *ghairu muḥṣan* juga menerima hukuman keseksaan lain iaitu *taghrib* (pengasingan).⁷³ Jumhur ulama berpendapat bahawa *taghrib* adalah salah satu hukuman hudud seperti mana pula hukuman sebat. Namun Abu Hanifah berpendapat bahawa *taghrib* adalah hukuman ta'zir. Imam Syafi'i dan Ahmad berpendapat hukuman *taghrib* dikenakan ke atas kedua-dua lelaki dan perempuan.⁷⁴ Namun menurut Imam Malik dan 'Auza'i, hukuman *taghrib* ini hanya berlaku bagi teruna merdeka sahaja dan tidak bagi wanita. Sebab daripada larangan hukuman *taghrib* bagi perempuan ialah untuk menjaga kesucian aurat mereka.⁷⁵

⁷²*Ghaira muḥṣan* ialah orang yang belum pernah melakukan hubungan kelamin hasil daripada akad nikah yang sah. Apabila seseorang itu pernah melakukan hubungan kelamin, namun bukan melalui akad nikah yang sah, maka ia disebut belum *muḥṣan*, demikian pula jika seseorang sudah menikah, tetapi belum pernah merasakan hubungan jenis, maka ia termasuk dalam golongan ini.

⁷³Imam Malik dan Abu Hanifah berkata bahawa pengasingan bermaksud hukuman pemenjaraan. Maka orang yang diasingkan tersebut dipenjarakan di satu tempat selama satu tahun. Oleh itu, *al-taghrib* menurut Malikiyyah dan Hanafiyyah adalah pemenjaraan di satu kawasan iaitu di luar kawasan berlakunya perbuatan jenayah, demikian pula pendapat Zaidiyyun. Manakala Syafi'i dan Ahmad berpendapat bahawa *al-taghrib* bermaksud pengasingan dari tempat berlakunya perbuatan zina ke tempat lain, dengan kawalan ke atas orang yang diasingkan di tempat pengasingan tersebut dan tidak dipenjarakan. Maka pengasingan menurut Syafi'iyyah dan Hanabilah adalah pengasingan dengan kawalan di daerah lain. Demikian pula menurut al-Zaidiyyah. Lihat 'Abd al-Qādir 'Awdah (1998), *al-Tashrī' al-Jinā'ī al-Islāmī Muqārānan bi al-Qānun al-Waḍ'ī*. c. 14. Beirut: al-Resalah Publishing, h. 381.

⁷⁴Ahmad Kamaruddin Hj. Hamzah (1989), *Pengantar Undang-undang Jenayah Islam*. Malaysia: Academi Art & Printing Services Sdn. Bhd, h. 38.

⁷⁵Maksud daripada tidak wujudnya hukuman pengasingan bagi perempuan penzina *ghairu muḥṣan* iaitu kerana mereka kaum yang memerlukan perlindungan lelaki. Selain daripada itu, dikhuatirkan mengasingkannya dari keluarga akan membuat dia tersasar sehingga menjadi mangsa kepada lelaki jahat. Oleh itu, hukuman *taghrib* ke atas perempuan tidak tepat dengan merujuk kepada hikmah *al-tashrī'*. Lihat Sayyid Sabiq (2007), *Fiqh Sunnah. op.cit.*, h. 311. Imam Malik pula berpendapat bahawa

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha mengenai hukuman *taghrib* tersebut. Abu Hanifah berpendapat bahawa *taghrib* ialah sebagai hukuman pemenjaraan ke atas pezina yang disabitkan oleh pihak berkuasa, yang mana masanya tidak lebih daripada satu tahun. Manakala Imam Malik, Syafi'i dan Ahmad berpendapat bahawa hukuman *taghrib* ialah pemindahan pesalah dari daerah tempat ia melakukan kesalahan ke tempat lain dengan kawalan pihak berkuasa dalam masa satu tahun. Manakala jarak tempat pemindahan tersebut sepertimana jarak dibolehkan *qasar* solat iaitu lebih kurang enam puluh batu.⁷⁶

Di samping itu, terdapat pula perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha mengenai hukuman *taghrib* dan sebat terhadap pezina *ghairu muḥṣan*. Abu Hanifah dan sahabatnya berkata, tidak wujud hukuman *taghrib* ke atas pezina *ghairu muḥṣan*. Manakala Syafi'i berpendapat bahawa hukuman *taghrib* dan sebat mesti dijalankan ke atas pezina *ghairu muḥṣan*, sama ada lelaki ataupun perempuan, sama ada merdeka ataupun hamba sahaya. Manakala Imam Malik berpendapat bahawa pezina lelaki diasingkan dan pezina perempuan tidak, demikian juga menurut al-'Auza'i.⁷⁷

Daripada huraian di atas dapat difahami bahawa perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha kerana wujudnya dalil sama ada daripada al-Qur'an mahupun Hadith. Fuqaha mengatakan bahawa hukuman ke atas pezina *ghairu muḥṣan* ialah hukuman

hukuman had pengasingan dikenakan ke atas pezina lelaki, tidak ke atas pezina perempuan. Kerana pengasingan dinisbahkan kepada perempuan adalah membawa fitnah, kerana jauh daripada saudara maranya. Rasulullah SAW melarang wanita bermusafir yang jaraknya satu hari satu malam kecuali ada bersamanya muhrim. Manakala hubung kait dengan hadith tentang hukuman had pengasingan di samping hukuman sebat ianya adalah am dan yang am mesti dikhususkan. Lihat Ahmad Kamaruddin Hj. Hamzah (1989), *op.cit.*, h. 38.

⁷⁶ Abdul Halim el-Muhammady (1998), *op.cit.*, h. 75.

⁷⁷ Abī al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Rushd al-Quṭubī (2006), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. c. 1. Bierut: Mu'assasah al-Ma'arif li al-Ṭabā'ah wa al-Nasrsh, h. 832.

sebat sahaja kerana merujuk kepada ayat al-Qur'an. Manakala fuqaha yang berpendapat bahawa hukuman ke atas pezina *ghairu muḥṣan* ialah hukuman sebat dan *taghrīb* kerana merujuk kepada al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW. Pengkaji bersetuju dengan pendapat fuqaha yang mengatakan bahawa hukuman ke atas pezina *ghairu muḥṣan* ialah hukuman sebat dan *taghrīb*. Kerana pengambilan hujah dalam perundangan Islam itu bukan sahaja dari al-Qur'an namun juga dari Hadith yang *ṣaḥīḥ* dan *mutawatir*.

2.3.2. Kesalahan Qazaf

2.3.2.1. Definisi Qazaf

Daripada segi bahasa, qazaf bermaksud melempar dengan batu atau sejenisnya. Qazaf juga bermaksud melontar seseorang dengan ucapan yang tidak disukai kerana dalam ucapan tersebut mengandungi kesan buruk serta menyakiti hati.⁷⁸ Manakala menurut istilah syarak, qazaf ialah menuduh seorang yang baik dan suci berzina tanpa bukti yang cukup ataupun ucapan yang menafikan keturunannya. Seperti ucapan seseorang: "*kamu bukan anak si pulan.*" Ayat tersebut bermaksud menuduh ibunya berzina.⁷⁹ Qazaf juga dapat diertikan sebagai tuduhan zina terhadap seorang wanita suci, sama ada tuduhan tersebut secara berterus terang ataupun dengan isyarat seperti ucapan "*wahai pezina perempuan.*" Ayat tersebut menunjukkan tuduhan secara berterus terang. Manakala tuduhan dengan isyarat seperti ucapan "*wahai wanita buruk atau wahai wanita jangak*" atau "*kamu telah mendedahkan suamimu dan kamu telah membalikkan kepalanya atau kamu telah merosak tilamnya.*"⁸⁰

⁷⁸ Wahbah al-Zuhailī (1989), *op.cit.*, j. 6, h. 70.

⁷⁹ Ahmad Kamaruddin Hj. Hamzah (1989), *op.cit.*, h. 67.

⁸⁰ Amīr Abd al-'Azīz (1999), *Fiqh al-Kitāb wa al-Sunnah: Dirāsah Mustafādah Tatanāwulu Abwāb al-Fiqh 'alā Mukhtalif al-Madhāhib wa al-'Arā wa Tu'raḍu li Ammah al-Qadīyah fī Ḍaw'i al-Islām bi*

2.3.2.2.Hukuman ke Atas Pelaku Qazaf

Terdapat dua jenis hukuman bagi pelaku qazaf. Pertama, hukuman asal iaitu sebat dan hukuman tambahan iaitu kesaksian yang tidak diterima. Hukuman lapan puluh kali sebatan terhadap seorang pelaku qazaf tidak dapat ditukar atau dikurangkan dan keluarga tertuduh tidak berhak memberi kemaafan kepada pesalah. sebahagian fuqaha berpendapat bahawa tertuduh berhak memberi kemaafan kepada pesalah dan sebahagian fuqaha mengatakan bahawa tertuduh tidak berhak memberi kemaafan kepada pesalah.⁸¹

Maruah merupakan perkara penting yang mesti dipelihara. Oleh itu, tuduhan melakukan zina tanpa bukti sangat berbahaya dalam kehidupan bermasyarakat. Di dalam Perundangan Islam dinyatakan bahawa perbuatan sedemikian termasuk dalam kategori kesalahan hudud yang boleh dikenakan lapan puluh kali sebatan.⁸² Sepertimana yang telah ditetapkan di dalam al-Qur'an surah al-Nur ayat 4, menyatakan bahawa seorang yang menuduh wanita baik dan suci melakukan zina tanpa mendatangkan empat orang saksi hendaklah disebat lapan puluh kali sebatan.

Terdapat perbincangan dalam kalangan fuqaha mengenai kesaksian orang yang melakukan qazaf apabila ia telah bertaubat, sama ada kesaksian tersebut diterima ataupun ditolak. Menurut Abu Hanifah bahawa kesaksian si penuduh ditolak walaupun ia sudah bertaubat. Manakala Malik, Syafi'i dan Ahmad sependapat bahawa kesaksian tersebut diterima apabila si penuduh sudah bertaubat. Wujudnya perbezaan pendapat

Uslūbin Mauḍū'iyin Mu'āshirin. j. 5, c. 1. Kaherah: Dār al-Salām li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tauzī', h. 2671-2672.

⁸¹ 'Abd al-Qādir 'Awdah (1998), *al-Tashrī' al-Jinā'ī al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānun al-Waḍ'ī*. *op.cit.*, h. 491.

⁸² Topo Santoso (2003), *op.cit.*, h. 25.

tersebut disebabkan oleh perbezaan mereka dalam mentafsirkan ayat: ⁸³ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ 83
وَأَصْلَحُوا ذَلِكَ وَ أَصْلَحُوا bagi fuqaha yang berpendapat bahawa ayat pengecualian (إلا)) merujuk
kepada ayat yang lebih dekat dalam ayat: وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ إِلَّا الَّذِينَ 84
تَابُوا maka akan menghilangkan kefasikan dan kesaksian diterima. Manakala sesiapa
yang berpendapat bahawa pengecualian (إلا) merujuk ke ayat sebelumnya, maka taubat
itu menghilangkan kefasikan dan mengelakkan daripada ditolakny kesaksian.⁸⁵

2.3.3. Kesalahan Meminum *Khamar* (Arak)

2.3.3.1. Definisi *Khamar*

Khamar diambil dari perkataan arab iaitu (خَمْرٌ - يَخْمُرُ: خَمْرٌ) yang secara etimologi bererti menutup, terhalang, atau tersembunyi. Manakala pengertian secara terminologi terdapat perbezaan pendapat antara para fuqaha dalam mendefinisikan *khamar* (arak). Jumhur ulama menyatakan bahawa *khamar* adalah setiap minuman yang di dalamnya terdapat zat yang memabukkan, sama ada ianya dinamakan arak ataupun bukan, diperbuat daripada anggur ataupun tidak.⁸⁶ Imam Abu Hanifah mendefinisikan bahawa *khamar* ialah nama sesuatu yang mentah diperbuat dari anggur apabila ianya direbus atau dipanaskan sehingga berbuih dan diendapkan dalam masa yang lama sehingga ia menjadi jernih dan memabukkan.⁸⁷ Syafi'i, Maliki dan Hanbali pula berpendapat bahawa arak ialah setiap minuman yang memabukkan sama ada namanya arak ataupun tidak dinamakan arak. Sama ada ia diperbuat daripada pati anggur ataupun dari jenis

⁸³ Surah al-Nur: 5. Maksud daripada ayat di atas iaitu, "kecuali orang-orang yang bertaubat selepas itu dan mereka memperbaiki diri mereka."

⁸⁴ Surah al-Nur: 4. Maksud daripada ayat di atas iaitu, "dan janganlah kamu menerima kesaksian mereka itu selama-lamanya, kerana mereka adalah orang-orang fasiq."

⁸⁵ 'Abd al-Qādir 'Awdah (1998), *op.cit.*, h. 491-492.

⁸⁶ Mohd. Said Ishak (2000), *Hudud Dalam Fiqh Islam*. Johor-Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia Skudai, h. 9-10. Lihat juga dalam Mat Saad Abd. Rahman (1993), *Undang-Undang Jenayah Islam: Jenayah Hudud*. Shah Alam: HIZBI, h. 79

⁸⁷ Muḥammad Shalāl al-‘Ānī dan ‘Īsa al-‘Amrī (2001), *Fiqh al-‘Uqūbāt fi al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranah*. c. 2, Jordan: Dār al-Massīrā Publishing-Distributing-Printing, h. 162.

benda lain seperti kurma muda, madu, ubi, gandum, dan biji-bijian, sama ada ianya sedikit ataupun banyak yang boleh memabukkan.⁸⁸

Manakala pendapat yang kuat adalah bahawa segala sesuatu yang menutupi (melenyapkan) akal adalah *khamar*, dikatakan demikian kerana ianya menjejaskan akal dan menutupnya. Sesiapa yang mengikuti sunnah yang betul dan amalan para sahabat, maka telah jelaslah baginya bahawa turunnya ayat yang mengharamkan arak adalah amaran untuk menjauhinya. Pengharaman setiap benda yang memabukkan itu tanpa membezakan sama ada ianya diperbuat daripada anggur ataupun jenis benda-benda lain yang diharamkan dan semua benda yang memabukkan.⁸⁹ Sepertimana Hadith yang diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Majah daripada Nu'man bin Bashir bahawa Rasulullah SAW bersabda :

عَنْ نُعْمَانَ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ مِنْ
الْحِنْطَةِ خَمْرًا وَ مِنَ الشَّعِيرِ خَمْرًا وَ مِنَ التَّمْرِ خَمْرًا وَ مِنَ الزَّيْتِ خَمْرًا وَ مِنَ
الْعَسَلِ خَمْرًا وَ أَنَا أَنهَى عَنْ كُلِّ مُسْكِرٍ.⁹⁰

Bermaksud: “Daripada Nu'man Ibn Bashir r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya dari biji gandum itu diperbuat arak, dan daripada gandum diperbuat arak, dan daripada kurma diperbuat arak, dan daripada madu diperbuat arak, dan juga daripada madu diperbuat arak. Dan aku melarang segala sesuatu yang memabukkan.”

⁸⁸ Muḥammad Na'im Farhāt (1984), *al-Tashrī' al-Jinā'ī al-Islāmī: Dirāsah Taḥlīliyyah li al-Aḥkām al-Fiqh al-Islāmī Muqāranah bi al-Qānūn al-Waḍ'ī Fiqhan wa Qaḍā al-Ḥudūd al-Shar'iyyah al-Jināiyyah al-Mūjabah li al-Qiṣāṣ*. Jeddah: Dār al-Asfāḥānī Printing, h. 102. Para fukaha berbeza pendapat tentang batasan mabuk. Abū Ḥanīfah berpedapat, batasan mabuk ialah akalnya hilang hingga ia tidak dapat membezakan antara langit dan bumi, atau tidak dapat membezakan antara ibu dengan isterinya. Manakala menurut sahabat-sahabat Syafi'i, batasan mabuk ialah orang tersebut berucap dengan bahasa yang tidaka dapat dipahami. Bicaranya tidak dapat dipahami dan dia pula tidak paham ucapan orang lain, ditambah lagi dengan ketidakseimbangan pada gerakannya; ketika dia berjalan dan berdiri, dia termasuk dalam kategori mabuk. Apabila lebih daripada had tersebut, maka itu hanya setakat tambahan had mabuk. Lihat Imam al-Mawardi (2006), *Hukum-Hukum Penyelenggaraan Negara Dalam Syariat Islam. op.cit.*, h. 377.

⁸⁹ Muḥammad Na'im Farhāt (1984), *op.cit.*, h. 102.

⁹⁰ Muḥammad 'Isā Ibn Sawrah al-Tirmidhī (1417 H), *Sunan al-Tirmidhi* Kitab al-Ashribah, Bab Mā Jā'a fī al-Ḥubūb Allatī Yuttakhadhū Minḥā al-Khamru, 1872, Pentaḥqīq Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, Riyād: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tauzī', c. 1. h. 430. Nama seterusnya Imam al-Tirmidhī. Lihat pula dalam Abū 'Abd Allāh Ibn Yazīd al-Qazwīnī (1417 H), *Sunan Ibn Mājah*. Kitab al-Ashribah, Bab Mā Yakūnu Minhu al-Khamru, 3379, Pentaḥqīq Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, Riyād: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tauzī', c. 1. h. 567. Nama pada muka surat seterusnya Imam Ibn Mājah.

Dari beberapa definisi *khamar* yang dikemukakan di atas, pengkaji lebih bersetuju dengan pendapat yang dinyatakan jumhur ulama bahawa semua minuman yang terkandung di dalamnya zat yang dapat memabukkan sama ada ianya disebut arak ataupun tidak disebut arak dan ia adalah haram.

2.3.3.2. Hukuman ke Atas Peminum Khamar

Semua fuqaha sependapat bahawa hukuman bagi peminum *khamar* ialah *al-jald* (sebat). Namun mereka berbeza pendapat tentang kadarnya. Sebahagian yang mengatakan bahawa hukumannya sebanyak lapan puluh kali sebatan menurut pendapat Imam Malik, Abu Hanifah dan satu riwayat daripada Imam Ahmad. Manakala Imam Syafi'i dan satu pendapat daripada Imam Ahmad mengatakan hukuman bagi kesalahan tersebut ialah sebanyak empat puluh kali sebatan. Namun demikian, boleh pula pesalah itu dikenakan sebatan sebanyak lapan puluh kali apabila penguasa (kerajaan) berpendapat bahawa pesalah tersebut patut disebat sebanyak itu. Oleh demikian, had hukuman ialah empat puluh kali manakala lebih daripada itu adalah sebagai hukuman *ta'zir*.⁹¹

Jumhur ulama megatakan bahawa peminum *khamar* akan dikenakan hukuman sebanyak lapan puluh kali sebatan. Pendapat meraka ini berasaskan kepada pernyataan 'Ali bin Abi Talib seperti berikut:⁹²

قَالَ عَلِيٌّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِنَّهُ إِذَا شَرِبَ سَكْرًا وَ إِذَا سَكَّرَ هَذِي وَ إِذَا هَذِيَ
إِفْتَرَى وَ عَلَيَّ الْمُفْتَرِي ثَمَانِينَ جَلْدَةً فَأَمَرَ بِهِ عُمَرُ فَجَلَدَ ثَمَانِينَ.

Bermaksud: “Ali r.a. berkata: Apabila seseorang meminum arak maka dia akan mabuk, dan apabila dia mabuk maka dia akan meracau dan apabila dia meracau maka dia akan berdusta (menuduh orang berzina)

⁹¹ Mahmudz Mohamad (1985), *Jenayah Dalam Islam: Satu Kajian Mengenai Hukum-Hukum Hudud*. c. 1. Kuala Lumpur: Percetakan Wanko Sdn. Bhd., h. 90.

⁹² Ibn Rushdī (t.t.), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 2, h. 442.

dan had ke atas tuduhan zina ialah lapan puluh kali sebatan. Oleh itu Umar memerintahkan supaya menyebatnya lapan puluh kali.”

Dengan demikian, Jumhur ulama menyamakan hukuman peminum arak dengan hukuman bagi orang yang menuduh seseorang berbuat zina. Akan tetapi, ulama Syafi’iyah menyatakan bahawa hukuman bagi peminum minuman keras, sama ada arak ataupun minuman lain yang memabukkan adalah empat puluh kali sebatan, kerana Rasulullah SAW sendiri tidak menetapkan bilangan yang pasti dalam menyebat para peminum arak di zamannya. Di sebalik itu, dalam sebuah Hadith dari Anas Ibn Malik yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, dan al-Tirmizi, dikatakan bahawa:⁹³

عَنْ أَنَسٍ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَضْرِبُ فِي الْحُمْرِ بِالْجَرِيدِ وَ
النَّعَالِ أَرْبَعِينَ.⁹⁴

Bermaksud: “Daripada Anas Ibn Malik; sesungguhnya Rasulullah SAW telah memukul (menyebat) orang yang meminum arak dengan menggunakan pelepah kurma dan sandal sebanyak empat puluh kali.”

Perbezaan pendapat fuqaha dalam menentukan kualiti sebatan yang akan dikenakan kepada peminum arak disebabkan ketiadaan bilangan yang pasti dalam kadar sebatan, sama ada dalam al-Qur'an mahupun dalam Hadith Rasulullah SAW. Jumhur ulama mengambil kira pendapat ‘Ali bin Abi Talib, kerana menurut mereka pendapat tersebut telah disepakati para sahabat di zaman ‘Umar Ibn al-Khattab. Manakala ulama Syafi’iyah berpandukan kepada Hadith Anas Ibn Malik dan pernyataan ‘Ali bin Abi Talib bahawa Rasulullah SAW dan Abu Bakar mensabitkan hukuman sebat itu hanya empat puluh kali sahaja. Namun demikian, ulama Syafi’iyah juga menyatakan bahawa

⁹³ Mohd. Said Ishak (2000), *op.cit.*, h. 41.

⁹⁴ Imam Muslim (1991), *op.cit.*, Kitab al-Ḥudūd, Bab Ḥad al-Khamr, 1706, h. 1331. Lihat pula Imam Bukhārī (1400 H), *op.cit.*, Kitab al-Ḥudūd, Bab Mā Jā’a fī Ḍarb al-Shārib al-Khamr, 6773, h. 245.

apabila hakim memandang ada kemaslahatan yang akan dicapai dengan pelaksanaan hukuman sebat sebanyak lapan puluh kali bagi para peminum *khamar*, maka boleh dilaksanakan hukuman tersebut. Namun penambahan sebatan tersebut bukan atas nama hukuman hudud, melainkan atas dasar budi bicara hakim yang termasuk dalam kategori hukuman *ta'zir*.⁹⁵

2.4. Sebab-Sebab Hukuman Sebat Sebagai Kesalahan *Ta'zir*

Selain daripada kesalahan hudud yang menyebabkan pesalah dikenakan hukuman sebat, terdapat juga kesalahan *ta'zir* yang mengakibatkan seorang pesalah dikenakan hukuman sebat. Berikut akan diuraikan beberapa kesalahan *ta'zir* yang boleh dikenakan hukuman sebat ke atas pesalah iaitu:

1. Setiap kesalahan yang tidak disabitkan hukuman terhadap pesalah, maka kesalahan tersebut mesti dilihat kepada had kesalahannya seperti mencuri, merompak, zina, menuduh wanita baik berzina, meminum *khamar*, penipuan dan murtad. Apabila seseorang melakukan kesalahan di luar kesalahan hudud yang telah ditetapkan hukumannya, maka ia bukan termasuk ke dalam kesalahan hudud, namun kesalahan tersebut dikategorikan sebagai kesalahan *ta'zir* seperti rasuah, kesaksian palsu, memakan harta riba dan semua perbuatan di luar daripada kesalahan hudud.⁹⁶

⁹⁵ Mohd. Said Ishak (2000), *op.cit.*, h.42. Rasulullah SAW juga telah menetapkan jenis hukuman ke atas peminum arak dengan sabdanya: "الضربوه" namun beliau tidak menetapkan kadar bilangan pukulan dengan jelas. Dan telah diriwayatkan bahawa memukul peminum arak sebanyak 40 kali pukulan. Di dalam riwayat lain pula bahawa pukulan tidak terhad kepada bilangan. Pada masa khalifah Umar r.a atas kesepakatan para sahabat bahawa hukuman ke atas peminum arak ialah 80 kali sebatan kiasan kepada hukuman *qazaf*. Kerana peminum arak apabila ia mabuk akan menyakiti, dan apabila ia menyakiti maka dia akan meracau. Dengan demikian maka hukuman sudah ditetapkan dengan sabda Rasulullah SAW dan perbuatannya dan kesepakatan sahabat. Sunnah Rasulullah SAW merupakan salah satu sumber daripada sumber-sumber syariat Islam dan ijma' sahabat adalah sumber terakhir daripada sumber syariat ini. Lihat Yūnus 'Abd .al-Qawī al-Sayyid al-Shāfi'ī (2003), *al-Jarimah wa al-Iqāb fī al-Fiqh al-Islāmī. op. cit.*, h. 33.

⁹⁶ Aḥmad Faṭḥī Bahnāsī (1991), *al-Mawsū'ah al-Jināyiyah fī al-Fiqh al-Islāmī. j. 1*, Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, h. 325.

2. Setiap kesalahan yang tidak ditetapkan hukumannya sama ada dalam al-Qur'an ataupun Hadith, maka ia tidak dikategorikan sebagai kesalahan hudud, kerana tidak cukup syarat. Kesalahan hudud adalah seperti pencurian, yang mana kesalahan tersebut akan dikategorikan sebagai kesalahan hudud apabila ia memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Di antara syaratnya ialah barangan yang dicuri itu disimpan oleh pemiliknya di dalam satu tempat yang selamat. Apabila barangan tersebut diambil secara terang-terangan, maka kesalahan tersebut dapat dikategorikan sebagai kesalahan *ta'zir*.⁹⁷
3. Terdapat juga kesalahan-kesalahan yang dapat dikategorikan sebagai kesalahan *ta'zir* yang tertulis di dalam al-Qur'an seperti judi, rasuah dan memakan makanan haram. Manakalah hukuman keseksanya ditetapkan oleh pihak berkuasa atau hakim dengan mengikut kepada kesesuaian.⁹⁸ Selain daripada itu, kesalahan dalam hukuman *qisās* ataupun hudud dapat dikategorikan kepada kesalahan *ta'zir* apabila syarat kesalahan tersebut tidak cukup untuk dikategorikan sebagai kesalahan *qisās* atau hudud seperti pencurian yang dilakukan oleh kanak-kanak, maka perbuatan tersebut dikategorikan kepada kesalahan *ta'zir*.⁹⁹

2.5. Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat Dalam Perundangan Islam

Apabila tertuduh telah terbukti kesalahannya, maka hukuman sebat hendaklah dilaksanakan segera. Dalam pelaksanaan hukuman, Perundangan Islam sangat menitikberatkan mengenai beberapa aspek tertentu sebelum sesuatu hukuman dikenakan ke atas pesalah. Berikut merupakan aspek-aspek yang mesti diberi tumpuan dalam pelaksanaan hukuman sebat. Diantaranya adalah :

⁹⁷ *Ibid.*, h. 325.

⁹⁸ Mohd. Shukri Hanapi & Mohd. Tajul Sabki Abdul Latib (2003), *op.cit.*, h. 278.

⁹⁹ *Ibid.*, h. 279.

2.5.1. Tahap Kesehatan Pesalah

Berdasarkan hukum asal bagi hukuman pesalah hudud adalah ianya hendaklah dilaksanakan dengan segera dan tidak boleh ditangguhkan. Namun demikian hukuman asal itu masih lagi bersifat fleksibel dan berubah mengikut suasana dan keadaan. Hal ini mampu membawa masalah dalam hukum Allah itu sendiri. Jumhur fuqaha yang terdiri daripada Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam al-Syafi'i, pesalah hendaklah berada dalam keadaan fizikal yang sihat semasa hukuman sebat hendak dijalankan ke atasnya. Ini bererti sekiranya dia berada dalam keadaan sakit yang boleh mengancam keselamatan nyawa apabila hukuman terus dijalankan, maka hakim hendaklah memerintahkan supaya hukuman itu ditangguhkan buat sementara waktu. Penangguhan ini hanya terhad kepada pesakit-pesakit yang ada harapan sembuh seperti demam, sakit kepala dan sakit-sakit ringan yang lain. Bagi pesalah sebegini Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam al-Syafi'i berpendapat hendaklah ditangguhkan hukuman tersebut sehingga pesakit itu sembuh. Pandangan ini berdasarkan kepada tindakan Sayidina 'Ali yang menangguhkan pelaksanaan sebat ke atas wanita yang berada dalam keadaan nifas. Mereka juga berpendapat penangguhan tersebut memungkinkan sebat dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa membahayakan pesalah.¹⁰⁰

Bagi perempuan yang sedang hamil atau pun menyusukan anak, maka hukuman sebat pun boleh ditangguhkan. Tempoh penangguhan hukuman bagi wanita yang sedang hamil ialah sehingga dia melahirkan anak dan habis nifasnya atau ditangguhkan sehingga sampai satu masa yang sesuai walaupun agak lama. Penangguhan hukuman tersebut mengikut kepada satu kes yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW di mana baginda memerintahkan Sayidina 'Ali menyebat seorang perempuan yang didapati bersalah melakukan zina. Pada masa itu wanita tersebut sedang dalam nifas.

¹⁰⁰ Ibn Qudāmah (t.t.), *al-Mughnī wa Yalīhi Syarḥ al-Kabīr*. Jil. 10. Beirut: Dār al-Kitāb 'Arabī, h. 131. Lihat juga al-Syarbinī al-Khaṭīb (1996), *Mughni al-Muḥtāj*. Jil. 4, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 201. Lihat juga dalam al-Kāsānī (1988), *Badā'ī al-Ṣanā'ī*, Jil. 9, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 256.

Apabila ‘Ali mengetahui keadaan tersebut beliau telah menangguhkan hukuman tersebut kerana bimbang boleh membahayakan wanita tersebut. Langkah yang diambil Ali itu telah mendapat pengiktirafan serta pujian daripada Rasulullah SAW.¹⁰¹

2.5.2. Pakaian Semasa Menjalani Hukuman

Aspek pakaian ketika menjalani hukuman juga turut dibincangkan dalam undang-undang jenayah Islam. Terdapat perbezaan cara berpakaian antara pesalah lelaki dan pesalah perempuan. Bagi pesalah lelaki ada dua pandangan fuqaha. Imam Malik berpendapat lelaki disebat dalam keadaan tidak memakai pakaian kecuali bagi menutup aurat sahaja bagi semua kesalahan hudud. Alasannya ialah supaya matlamat hukuman iaitu mendatangkan rasa sakit dan mengelakkan pesalah dari mengulangi jenayah yang sama. Imam al-Syafi’i dan Imam Abu Hanifah juga mempunyai pendapat yang sama dengan Imam Malik dalam hal ini, tetapi mereka mengecualikannya bagi kesalahan *qazaf*.¹⁰² Berdasarkan pandangan-pandangan yang dikemukakan ini terdapat kesepakatan para fuqaha tentang ketetapan pakaian bagi pesalah lelaki semasa disebat iaitu harus dibenarkan memakai pakaian yang terbuat daripada kain yang nipis sahaja supaya selari dengan dengan matlamat hukuman. Namun demikian, mana-mana bahagian yang dianggap aurat menurut hukum Islam hendaklah ditutup dengan sempurna. Bagi pesalah wanita pula, mereka dibolehkan memakai apa-apa jenis pakaian dengan syarat ianya tidak terlalu tebal seperti baju bulu atau baju musim sejuk yang tebal sehingga menghindarkan daripada rasa sakit apabila disebat. Pakaian wanita juga tidak dibenarkan terlalu nipis sehingga boleh menampakkan aurat mereka. Dalam masalah ini terdapat pandangan ulama mazhab Syafi’i dan Hanbali yang mencadangkan

¹⁰¹ Abū al-Wālid al-Bājī al-Andalūsī (t.t.), *Kitāb al-Muntaqā Syarḥ Muwaṭṭā’ al-Imām Mālik Ibn Anās*. c. 1, 1332 H, Juz. 7. Mesir: Maṭba’ah al-Sa’ādah, h. 140-141. Lihat juga al-Kāsānī (1988), *op.cit.*, h. 256.

¹⁰² Al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1996), *op.cit.*, h. 250-251.

supaya pakaian mereka diikat kemas untuk mengelakkan daripada terangkat semasa disebat demi memelihara maruah dan aurat mereka.¹⁰³

2.5.3. Posisi Pesalah Semasa Menerima Hukuman

Mengenai kedudukan pesalah semasa hukuman sebat dijalankan ke atasnya, Ibn Qudamah berpendapat bahawa pesalah lelaki akan disebat dalam keadaan berdiri, manakala pesalah wanita akan disebat dalam keadaan duduk. Salah satu pandangan daripada mazhab Maliki ialah semua pesalah sama ada lelaki dan perempuan hendaklah disebat dalam keadaan duduk. Jumhur fuqaha pula berpendapat pesalah yang dikenakan hukuman sebat seharusnya berdiri untuk memungkinkan sebat dikenakan pada seluruh badan kecuali tempat yang dilarang serta boleh mendatangkan bahaya kepada pesalah seperti kawasan muka, kepala dan kemaluan. Walaupun begitu mereka mengecualikannya bagi wanita. Bagi Jumhur juga pesalah wanita seharusnya disebat dalam keadaan duduk untuk menjaga aurat mereka daripada terbuka atau terdedah semasa disebat.¹⁰⁴

Menyentuh mengenai masalah mengikat pesalah yang menjalani hukuman sebat, kebanyakan fuqaha bersetuju bahawa mereka tidak perlu diikat pada mana-mana anggota badan sama ada tangan atau kaki.¹⁰⁵ Dalam hal ini Imam Malik turut bersetuju dengan pandangan Jumhur fuqaha tersebut. Di samping itu, Imam Malik turut

¹⁰³ *Ibid.*, Lihat juga dalam Wahbah al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, Jil. 6, h. 61. Lihat juga Ashraf Md. Hashim (2000), "Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat di Dalam Islam", *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam Univerditi Malaya Jil. 8 Bil. 2, Julai 2000, h. 3.

¹⁰⁴ Ibn al-Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, h. 127-129. Lihat juga dalam al-Syarbinī (1996), *op.cit.*, h. 250-251. Lihat juga Ibn 'Ābidīn (t.t.), *Radd al-Mukhtar ala Durr al-Mukhtar, Hasyiah Ibn 'Ābidīn*. Jil. 3. Pakistan: Maktabah Rasyidiah, h. 13.

¹⁰⁵ Ibn Rusyd (1997) *op.cit.*, h. 641.

berpendapat bahawa bagi pesalah lelaki tidak perlu diikat ketika mejalani hukuman sebat kecuali jika dia enggan berdiri atau tidak mampu sama ada berdiri atau duduk.¹⁰⁶

Daripada perbincangan di atas jelaslah bahawa undang-undang jenayah Islam sangat menitik beratkan mengenai masalah. Di samping itu juga, telah terbukti bahawa agama Islam adalah agama yang sangat memuliakan hak-hak asasi manusia tanpa mengetepikan dan menjatuhkan maruah seseorang ketika menjalankan hukuman. Ini menunjukkan bahawa ajaran dan perundangan Islam selari dengan fitrah manusia mahukan kehormatan dan maruah yang mulia.

2.5.4. Alat Sebatan Saiznya

Berdasarkan keterangan yang terdapat dalam hadith Rasulullah, para fuqaha telah membuat perbincangan yang terperinci mengenai alat yang boleh digunakan untuk menyebat para pesalah yang melakukan kesalahan hudud dan juga *ta'zir*. Amalan yang dipraktikkan pada zaman Rasulullah SAW dan juga zaman awal Islam menunjukkan bahawa bagi kesalahan hudud yang dikenakan hukuman sebat, pesalah akan disebat menggunakan alat yang dinamakan *al-ṣawṭ* atau cemeti. Berasaskan kepada amalan ini, jumhur fuqaha menegaskan bahawa jenis alat yang boleh digunakan untuk menyebat pesalah yang melakukan kesalahan hudud adalah cemeti. Ini kerana ia merupakan cara yang pernah digunakan oleh Rasulullah SAW sendiri, yang mana kemudiannya diikuti oleh para sahabat dan khulafa' al-Rasyidin. Pandangan jumhur fuqaha turut bersandarkan kepada Hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Apabila didapati seseorang meminum arak, maka hendaklah kamu menyebatnya.”¹⁰⁷

¹⁰⁶ Ibn al-Humām (t.t.), *Syarḥ Faḥ al-Qadīr*. Jil. 5, Mesir: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al Halabiyy wa Awlādūh, h. 126.

Dalam menafsirkan Hadith di atas, Ibn Qudaimah berpendapat bahawa perintah menyebat yang terdapat dalam Hadith tersebut adalah bersifat mutlak tanpa menjelaskan secara spesifik bentuk dan jenis alat sebatan itu, maka panduan adalah dirujuk kepada amalan nabi dan para sahabat selepas zaman baginda, di mana sebatan biasanya dengan menggunakan cemeti. Atas alasan ini mereka mendakwa penggunaan cemeti sebagai ijmak. Pandangan ini telah ditolak oleh Imam al-Nawawi kerana masih terdapat Hadith *ṣahīh* lain yang menunjukkan bahawa alat selain daripada cemeti juga pernah digunakan Rasulullah SAW untuk menyebat pesalah yang melakukan kesalahan minum arak.¹⁰⁸

Antaranya Hadith riwayat Abu Hurairah r.a yang bermaksud:

“Telah datang kepada Nabi s.a.w seorang yang telah disabitkan dengan kesalahan minum arak, maka Rasulullah s.a.w mengarahkan agar dia dipukul. Kata Abu Hurairah: “Maka ada di antara kamu yang memukulnya dengan tangan, ada yang memukulnya dengan sepatu dan ada yang memukulnya dengan hujung-hujung kain yang dipintal”.

Hadith di atas telah ditafsirkan oleh para fuqaha daripada pelbagai sudut. Mazhab al-Syafi'i berpendapat Hadith berkenaan menunjukkan bahawa dalam kes kesalahan minum arak, maka pesalah semestinya disebat dengan menggunakan cemeti sahaja. Sebaliknya mereka boleh disebat dengan menggunakan alat-alat lain seperti hujung kain yang dipintal, sepatu, pelepah kurma yang kering dan sebagainya. Selain itu mereka melihat tiada berlaku pemansuhan terhadap Hadith tersebut maka hukumnya juga disifatkan sebagai kekal.¹⁰⁹ Selain daripada itu terdapat juga pandangan dari mazhab Syafi'i yang menyatakan sekiranya peminum arak sihat badannya, maka hendaklah juga disebat dengan cemeti sepertimana kesalahan-kesalahan hudud yang

¹⁰⁷ al-Tirmīdhī, *Sunan al-Tirmīdhī*. Jil. 4, h. 48. Lihat juga dalam Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*. Jil. 4, h. 263-264.

¹⁰⁸ Al-Nawāwī (1972), *Syarḥ Ṣahīḥ Muslīm*. Jil. 11, TTP: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 218.

¹⁰⁹ Al-Syarbīnī (1997), *op.cit.*, h. 284. Lihat juga dalam al-Ramly (t.t.), *Nihāyah al-Muḥtāj ila Syarḥ al-Minḥāj*. Jil. 8, Mesir: Muṣṭafā al-Bābiyy al-Halabiyy, h. 15.

lain. Ibn Qudaimah pula berpendapat bahawa Hadith yang diriwayatkan Abu Hurairah itu menjelaskan cara menyebat pesalah minum arak pada peringkat awal hukuman sebat diwajibkan dalam Islam. Manakala selepas daripada itu didapati beberapa riwayat yang menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW sendiri telah menggunakan cemeti untuk menyebat pesalah. Jadi itulah hukuman yang dianggap kekal.¹¹⁰

Manakala saiz alat sebatan yang digunakan untuk menyebat pesalah disyaratkan alat yang bersaiz sederhana. Dalam erti kata lain ianya tidak terlalu besar dan juga tidak terlalu kecil.¹¹¹ Cuma itu sahaja garis panduan yang terdapat dalam fiqh tentang saiz cemeti untuk sebatan. Tidak diperincikan berapa inci atau berapa sentimeter ukuran lilit cemeti yang dianggap sederhana tadi. Lantaran itu aspek ini juga memerlukan satu ketetapan oleh para ulama supaya wujud satu persepakatan tentang saiz alat sebatan tersebut.

2.5.5. Sasaran dan Kekuatan Pukulan

Menurut mazhab Hanafi, sebatan yang akan dilakukan hendaklah mengena pada keseluruhan anggota pesalah kecuali muka, kepala, dada dan kemaluan. Ini kerana memukul pada tempat-tempat tersebut boleh memudaratkan pesalah bahkan boleh membunuhnya. Pukulan yang ditentukan hanya pada bahagian tertentu sahaja. Hal ini untuk mengelakkan timbulnya kesakitan yang amat sangat seperti memukul kemaluan boleh menyebabkan maut, manakala muka dan kepala merupakan tempat terkumpulnya seluruh panca indera manusia.¹¹² Menurut Imam Syafi'i pukulan mestilah dikenakan di seluruh anggota badan kecuali muka, kemaluan, rusuk serta tempat-tempat yang diakui

¹¹⁰ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, h. 128.

¹¹¹ *Ibid.*, Lihat juga Ibn 'Ābidīn (t.t.), *op.cit.*, h.161. Lihat juga Ibn al-Humām, *op.cit.*, h. 230.

¹¹² Al-Kāsānī (1988), *op.cit.*, h. 256. Lihat juga Ibn al-Hamām (t.t.), *op.cit.*, Jil. 5, h. 231.

membawa maut.¹¹³ Imam Hanbali pula menghadkan pukulan yang dilarang pada tiga tempat iaitu kepala, muka dan kemaluan. Pukulan bolehlah dilebihkan pada tempat-tempat yang banyak daging seperti paha atau punggung. Ini kerana tempat-tempat lain selain daripada yang disebutkan di atas kebiasaannya tidak membawa maut.¹¹⁴ Bagi Imam Malik pesalah hudud hendaklah disebat di sekitar belakangnya.¹¹⁵

Daripada pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh para fuqaha tadi jelaslah bahawa sebatan dalam undang-undang jenayah Islam bertujuan untuk memberi kesedaran dan rasa serik kepada penjenayah. Dengan itu kemungkinan untuk mereka mengulangi kesalahan yang sama akan berkurang. Para fuqaha juga bersepakat mengenai kawasan yang boleh disebat dan menghindari daripada mengenakan pukulan pada tempat-tempat tertentu yang merupakan kawasan sensitif serta boleh mendatangkan mudarat kepada pesalah. Perubahan menghadkan pukulan pada kawasan tertentu sahaja boleh memelihara kesihatan dan fungsi anggota badan.

Manakala kekuatan pukulan semasa sebatan dilaksanakan juga hendaklah sederhana, tidak terlalu kuat sehingga boleh menyebabkan luka dan terkoyak kulit dan tidak terlalu perlahan sehingga tidak memberi kesan insaf kepada pesalah. Al-Şābūnī telah memetik daripada Imam al-Qurtubi mengenai cara menyebat pesalah iaitu mengenakan satu pukulan yang boleh menyakitkan tetapi tidak sampai mencederakan atau mengoyakkan kulit mereka dan jauh sekali daripada menyebabkan kematian. Hukuman sebat berbeza dengan hukuman rejam di mana hukuman rejam adalah hukuman mati mandatori di bawah kesalahan hudud. Lantaran dalam melaksanakan

¹¹³ Al-Syarbinī (1996), *op.cit.*, h. 251.

¹¹⁴ Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, h. 129.

¹¹⁵ Ibn Rusyd (t.t.), *op.cit.*, h. 429. Liht juga dalam Ibn Farḥūn (t.t.), *Tabṣīrāt al-Ḥukkām*. Jil. 2, c. 1, Kaherah: Maktabah al- Kulliyāt al-Azhariyyah, h. 265.

sebatan, tukang sebat tidak seharusnya mengangkat tangannya melebihi paras ketiak.¹¹⁶ Pandangan ini merujuk kepada pesanan Sayidina Umar al-Khattab kepada tukang sebat: “*Sebatlah ia dan jangan diangkat tanganmu sehingga menampakkan ketiak*”. Dalam satu kes yang lain Umar telah menegur seseorang yang menyebat dengan agak kuat: “*Kamu bukan menyebatnya, tapi kamu membunuhnya*”.¹¹⁷

Terdapat juga perbahasan di kalangan fuqaha mengenai sifat serta kekuatan sebatan bagi kesalahan hudud dan *ta'zir*. Mengenai sebatan bagi kesalahan hudud, terdapat beberapa pandangan yang berbeza di kalangan fuqaha. Golongan Hanafiyyah berpendapat sebatan bagi kesalahan zina hendaklah lebih kuat daripada sebatan bagi kesalahan minum arak. Manakalah sebatan minum arak pula hendaklah lebih kuat daripada sebatan bagi kesalahan qazaf. Fuqaha dari mazhab ini juga berpendapat bahawa sebatan yang paling kuat ialah sebatan bagi kesalahan *ta'zir*. Alasan mereka ialah tindakan Sayidina ‘Umar al-Khattab yang menjadikan sebatan bagi *ta'zir* lebih kuat berbanding hudud.¹¹⁸ Golongan Malikiyyah dan al-Syafi’iyyah pula berpendapat bahawa semua sebatan bagi kesalahan hudud adalah sama kerana ia merupakan ketetapan daripada Allah Ta’ala ditambah pula dengan tiada keterangan daripada Hadith Nabi supaya memberat atau meringankan hukuman dalam kes-kes hudud.¹¹⁹

2.5.6. Masa dan Tempat Pelaksanaan Hukuman

¹¹⁶ Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī (1997), *Rawāi’ al-Bayān fī Tafsīr Āyat al-Aḥkām*. Jil. 2, Damsyīq: Maktabah al-Ghazālī, h. 34.

¹¹⁷ Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, h. 129. Lihat juga al-Syarbinī (1996), *op.cit.*, h.250. lihat juga al-Kāsānī (1988), *op.cit.*, h. 261.

¹¹⁸ Al-Ṣābūnī (1997), *op.cit.*, h. 34.

¹¹⁹ *Ibid.*, h. 35.

Menurut jumhur fuqaha, masa untuk menjalankan hukuman sebat terhadap pesalah adalah antara syarat sewaktu menjalankan hukuman sebat. Keadaan yang sesuai adalah ketika cuaca yang sederhana iaitu tidak terlalu panas dan tidak pula terlalu sejuk. Ini kerana keadaan yang keterlaluan bagi kedua-duanya akan menambahkan lagi kesakitan pesalah. Lantaran itu ianya perlulah diambilkira agar situasi menjadi lebih adil bagi si pesalah.¹²⁰

Pada zaman Rasulullah SAW dan juga para sahabat, tidak terdapat satu keterangan yang jelas yang menyatakan hukuman sebat mestilah dijalankan di tempat-tempat yang tertentu. Namun demikian, terdapat sebuah Hadith Nabi yang melarang melaksanakan hudud di dalam masjid. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Janganlah laksanakan hudud di masjid-masjid dan janganlah seorang bapa dibunuh oleh anaknya”.*¹²¹

Larangan ini bertujuan untuk menjaga kemuliaan masjid itu sendiri supaya terpelihara daripada sebarang kekotoran atau najis kesan daripada pelaksanaan hukuman tersebut seperti darah dan seumpamanya.¹²² Walaupun tidak ada keterangan yang jelas mengenai tempat, tetapi syarat-syarat tertentu semasa hukuman dijalankan mestilah dipenuhi. Antaranya syarat wajib bagi pelaksanaan hukuman sebat dalam Islam iaitu menjalankannya di tempat-tempat yang boleh disaksikan oleh orang ramai. Perkara tersebut tidak boleh dilakukan secara senyap-senyap atau tertutup daripada pengetahuan awam. Hal ini bersesuaian dengan prinsip hukuman had itu sendiri iaitu untuk memberi pengajaran serta menakutkan manusia dari melakukan jenayah.¹²³

¹²⁰ Al-Kāsānī (1988), *op.cit.*, h. 230. Lihat juga al-Dasūqī (t.t.), *Hāsyiah al-Dasūqī ‘ala Syarḥ al-Kabīr*. Jil. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, h. 322. Lihat juga dalam Syarbinī (1996), *op.cit.*, h. 202.

¹²¹ Ibn Mājah (2000), *Sunan Ibn Mājah*. Hadith 2697, Kaherah: Thesaurus Islamicus Foundation, h. 377.

¹²² Wahbah al-Zuḥailī, *op.cit.*, h. 65.

¹²³ Muhammad Iqbal Siddiq (1985), *The Penal Law of Islam*. Pakistan: Kazi Publication, h. 10.

2.6. Kesimpulan

Terdapat beberapa kesalahan sama ada kesalahan hudud mahupun kesalahan *ta'zir* yang boleh dikenakan hukuman sebat. Di antara kesalahan hudud yang boleh dikenakan hukuman sebat ialah kesalahan zina, menuduh perempuan baik berzina dan meminum *khamar*. Manakala kesalahan *ta'zir* yang boleh dikenakan hukuman sebat ialah semua kesalahan yang tidak dikategorikan sebagai kesalahan hudud ataupun *qisas* seperti rasuah dan memakan harta haram. Selain daripada itu, kesalahan hudud atau *qisas* yang tidak memenuhi syarat sebagai kesalahan hudud dan *qisas* pun dapat dikategorikan kepada kesalahan *ta'zir*. Semua kesalahan hudud boleh dikenakan hukuman sebat mengikut kepada peruntukan di dalam al-Qur'an. Manakala kesalahan *ta'zir* dikenakan hukuman sebat mengikut kepada keputusan penguasa ataupun hakim.

Kaedah pelaksanaan hukuman sebat telah ditetapkan di dalam perundangan Islam. Dalam pelaksanaan hukuman sebat tersebut, perundangan Islam sangat menitikberatkan mengenai beberapa aspek seperti tahap kesihatan pesalah, pakaian semasa menjalani hukuman, posisi pesalah semasa menerima hukuman, alat sebatan dan spesifikasinya, sasaran dan kekuatan pukulan serta masa dan tempat pelaksanaan sebatan. Oleh yang demikian, semoga dengan mengamalkan kaedah yang tepat matlamat pelaksanaan hukuman sebat yang sebenar akan tercapai iaitu memberi pengajaran kepada pesalah dan orang ramai supaya tidak melakukan kesalahan yang sama untuk kali kedua. Selain daripada itu, untuk mencegah pesalah daripada berterusan melakukan perbuatan jenayah tersebut.